



# LAPORAN TAHUNAN **IDFR 2010**

## ANNUAL REPORT





LAPORAN TAHUNAN  
**IDFR 2010**  
ANNUAL REPORT

©IDFR 2011

Diterbitkan oleh  
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)  
Kementerian Luar Negeri  
Kuala Lumpur, Malaysia  
[www.idfr.gov.my](http://www.idfr.gov.my)

Hakcipta terpelihara. Tiada kandungan dalam penerbitan ini boleh disalin, disimpan dalam sistem penyimpanan, atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik, mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman, imbasan dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

ISSN 1985-1030



## KANDUNGAN

- |    |  |    |  |
|----|--|----|--|
| 4  | Perutusan daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri, Malaysia | 35 | Laporan Bahagian Bahasa  |
| 7  | Kata Pengantar oleh Ketua Pengarah IDFR                                | 47 | Laporan Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan |
| 9  | Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)                     | 49 | Laporan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat                 |
| 13 | Carta Organisasi IDFR  | 55 | <i>Diploma in Diplomacy</i>                                      |
| 15 | Program IDFR 2010  | 57 | Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi         |
| 21 | Laporan Bahagian Latihan   | 59 | Sekalung Budi, Sejambak Kasih                                    |
| 29 | Laporan Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti                       |    |  |

# Perutusan daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri, Malaysia



Pada 8 Oktober 2010, Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam, telah dilantik sebagai Ketua Pengarah IDFR, menggantikan Tan Sri Hasmy Agam. Dengan pengalaman luas beliau sebagai diplomat, saya yakin Dato' Ku Jaafar dapat meneruskan usaha-usaha bagi memantapkan lagi keupayaan IDFR.

Sebagai cabang latihan kepada Kementerian, IDFR bertanggungjawab melatih dan menyediakan para pegawai diplomatik Kementerian; baik bakal Duta, para diplomat pertengahan kerjaya serta diplomat muda. IDFR juga menyedia dan melatih para staf sokongan untuk penempatan luar negeri mereka. Pertambahan terbaru dalam siri modul latihan IDFR adalah Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan, yang telah dianjurkan di bawah Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM), bagi melengkapkan para pegawai dari pelbagai Kementerian dan agensi kerajaan dengan pengetahuan mengenai pelbagai aspek diplomasi dan isu-isu semasa hubungan antarabangsa, sebelum mereka bertugas di luar negeri buat pertama kali. Kursus ini telah dianjurkan dengan jayanya.

Saya berasa gembira melihat IDFR telah menganjurkan Kursus Latihan Diplomatik untuk Belia dan Pemimpin Pelajar buat julung kalinya. Ini seharusnya menjadi pendorong kepada lebih banyak kerjasama dalam bidang latihan dengan Kementerian-kementerian lain.

Tahun 2010 juga telah menyaksikan buat pertama kalinya, sekumpulan graduan hasil daripada program *Diploma in Diplomacy* IDFR. Ini merupakan satu

langkah lagi ke arah meningkatkan kecekapan dan profesionalisme para pegawai diplomatik dengan mempromosi latihan yang sistematik dan relevan. Ianya merupakan satu pencapaian yang harus dibanggakan, syabas! Saya berharap kejayaan ini akan menjadi pendorong dalam mewujudkan Ijazah Diplomasi profesional dan lebih banyak lagi program diploma serta ijazah di IDFR, dan seterusnya menyaksikan transformasi IDFR sebagai sebuah *boutique university*, pengkhususan dalam bidang Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa. Ini sejajar dengan amanat oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2009, "dalam menyediakan para diplomat Malaysia untuk peranan penting yang perlu mereka mainkan untuk negara, IDFR mestilah turut bersedia dan cekap dalam melakukan tugasnya".

Oleh itu, amat penting untuk saya tekankan di sini bahawa dalam era globalisasi kini, para diplomat kita seharusnya berpengetahuan luas tentang isu-isu semasa, memiliki pelbagai kemahiran insaniah dan perlu tegas dalam mempromosi serta mempertahankan polisi luar Malaysia. Di samping itu juga, keupayaan dalam mendapatkan maklumat yang terkini berkenaan isu-isu utama antarabangsa adalah amat diperlukan. Justeru, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing adalah penting. Kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris amatlah perlu, namun kebolehan untuk bertutur dalam bahasa-bahasa asing pula merupakan suatu kelebihan bagi mereka yang berkhidmat di luar negeri. Saya berasa gembira bahawa IDFR dapat menerapkan secara aktif segala elemen yang dinyatakan di dalam program latihannya dalam tahun 2010.

Pada bulan Jun 2010, Perdana Menteri telah mengumumkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10). Kita, di Perkhidmatan Diplomatik dan juga para pegawai kerajaan yang lain, adalah penggerak dalam memastikan kejayaan hasil daripada RMK10 tersebut. Adalah menjadi kewajipan kita untuk membantu dalam membawa masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia, dengan menggalakkan hubungan baik dengan negara-negara lain. Malaysia juga akan lebih meningkatkan fokusnya kepada pasaran baru yang pesat berkembang, terutamanya di rantau Asia dan ASEAN. Inisiatif-inisiatif utamanya termasuklah mempromosikan perdagangan dan memperkuuhkan hubungan serantau. Para pegawai di Kementerian ini dan kementerian lain haruslah sentiasa mencari jalan bagi mengekal, membangun dan mempromosikan kepentingan-kepentingan Malaysia di arena antarabangsa. Sudah tentu peluang yang ditawarkan oleh IDFR melalui Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi telah direka bagi melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan teori dan praktikal, dalam usaha untuk menjadi penggerak bagi menjayakan RMK10.

Visi IDFR adalah untuk menjadi "pusat latihan dan penyelidikan antarabangsa dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa yang dikenali di peringkat dunia". Dengan kesemua pencapaianya dan usaha berterusan berserta semangat berpasukan dalam kalangan para pegawai dan staf sokongan, saya amat yakin bahawa Visi ini dapat dicapai dalam masa terdekat.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa IDFR kini berada di laluan yang betul dalam melengkapkan para pegawai dan peserta dengan pengetahuan, kemahiran-kemahiran profesional serta sikap yang sewajarnya dalam mengendalikan hal berkaitan diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Oleh itu, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Hasmy Agam atas khidmat cemerlang yang diberikan kepada IDFR, serta mengucapkan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

Saya juga ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada Tan Sri Rastam Mohd. Isa atas sumbangan dan bakti yang dicurahkan beliau semasa menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, dalam menjaga kepentingan IDFR.

Terima kasih.

DATUK MOHD. RADZI ABDUL RAHMAN

# Kata Pengantar oleh Ketua Pengarah IDFR



Hampir dua dekad telah berlalu semenjak penubuhan IDFR, dan ianya telah mengorak langkah jauh dari hari-hari awalnya di Jalan Elm di Petaling Jaya. Semenjak perpindahan ke kampusnya yang tersendiri di Jalan Wisma Putra, yang merupakan bangunan Kementerian Luar Negeri sebelum ia berpindah ke Putrajaya pada tahun 2001, IDFR telah berkembang dengan jayanya dari segi pengalaman.

Sebagai institut latihan kepada Kementerian Luar Negeri, matlamat teras IDFR ialah melatih diplomat dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. Program latihan IDFR bukan sahaja telah memanfaatkan para diplomat, pegawai diplomatik dan pegawai kerajaan Malaysia, malah para diplomat dari negara-negara membangun yang lain. Ianya merupakan sesuatu yang membanggakan tetapi mesti juga bertindak sebagai satu peringatan tentang kepercayaan dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada IDFR.

Dunia kini kian berubah dengan pantas, dan trend dan amalan yang dahulunya selalu diamalkan mungkin tidak lagi relevan. Justeru, perlunya ada kesedaran tentang perubahan yang berlaku dan menyertakan yang terkini dalam program latihan kita. Oleh itu, kurikulum kesemua kursus yang ditawarkan di IDFR disemak oleh satu Jawatankuasa Kurikulum supaya kekal relevan kepada keperluan semasa. Maklumbalas dari tenaga pengajar dan para peserta turut diambil kira untuk memastikan penambahbaikan dilakukan di setiap permulaan kursus.

Saya gembira untuk melaporkan bahawa pembangunan kakitangan juga amat penting di IDFR. Terlibat dalam bidang latihan bermakna pegawai dan kakitangan IDFR mesti memastikan bahawa mereka turut memperkasakan diri dari segi keperluan latihan mereka sendiri. Mereka mesti sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf penyampaian perkhidmatan IDFR.

IDFR mempunyai pencapaian-pencapaian yang boleh dibanggakan. Program *Diploma in Diplomacy* merupakan yang terkini dalam pencapaian IDFR. Program Diploma ini, yang lebih dikenali sebagai DiD, merupakan program Diploma profesional dalaman IDFR yang pertama. Program ini, yang merupakan lanjutan kepada Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik, merupakan kursus sepenuh masa selama enam bulan, yang turut merangkumi penempatan

kerja selama seminggu di Misi Malaysia di luar negeri. Adalah diharapkan bahawa program Diploma ini, dalam jangka panjang, boleh membawa kepada pengiktirafan yang setaraf dengan ijazah sarjana muda. Saya turut menjangkakan bahawa program Diploma ini akan membuka ruang kepada program Diploma yang lain.

Program Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi, yang ditawarkan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, kini sudah menjangkau tahun kedua belas pelaksanaannya, dan mempunyai lebih daripada 170 ahli alumni. Semester baru akan bermula pada bulan September, dan saya ingin menggesa kepada mereka yang berminat dalam bidang ini untuk memohon.

Dalam mengikuti arus aliran media baru, IDFR telah mewujudkan satu akaun Facebook untuk memudahkan jalinan di antara para peserta kursusnya. Semua peserta kursus IDFR dari seluruh pelusuk dunia digalakkan untuk mendaftar supaya kita boleh berhubung antara satu sama lain dan mendapat faedah dari jalinan tersebut.


Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pelatih atas sokongan dan komitmen mereka kepada IDFR. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan IDFR atas kerja keras dan semangat setia kawan mereka, yang membantu meningkatkan reputasi IDFR.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Tan Sri Hasmy Agam, bekas Pengerusi Eksekutif IDFR. Beliau telah meninggalkan jasa dan kesan yang mendalam kepada IDFR.

Akhirkata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Datuk Mohd. Radzi Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian, dan Tan Sri Rastam Mohd. Isa, bekas Ketua Setiausaha Kementerian, atas sokongan padu mereka bagi semua program dan aktiviti IDFR. Saya juga ingin berterima kasih kepada Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri, atas minat dan perhatian beliau kepada IDFR.

Terima kasih.

DATO' KU JAAFAR KU SHAARI



# **INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)**

## INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1991 di bawah Jabatan Perdana Menteri. IDFR telah dengan rasminya menjadi sebahagian daripada Kementerian Luar Negeri, Malaysia pada 27 Mac 2004. Pada 8 Januari 2009, kampus IDFR di Jalan Wisma Putra telah dilancarkan secara rasminya oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Sebagai pusat latihan kepada Kementerian Luar Negeri, IDFR menawarkan pelbagai kursus latihan dan bahasa kepada para pegawai Wisma Putra, dan kementerian dan agensi kerajaan yang lain. IDFR turut menganjurkan kursus khas untuk diplomat pertengahan kerjaya dan diplomat kanan, termasuklah para Duta Besar yang baru dilantik dan pasangan mereka.

Kursus latihan IDFR turut ditawarkan kepada para peserta dari negara-negara membangun di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia, di samping dari ASEAN, negara-negara anggota Rancangan Colombo and juga negara-negara Komanwel.

Pada 4 Januari 2010, Kursus Latihan Diplomatik untuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik telah dinaik taraf ke

program diploma, di mana para peserta dianugerahkan *Diploma in Diplomacy*. Ini merupakan program Diploma yang pertama dianjurkan oleh IDFR. Program enam bulan ini melatih para diplomat muda Malaysia dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Program Ijazah Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi merupakan program anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan tahun 2010 merupakan tahun kedua belas pelaksanaannya. Sehingga kini, program ini mempunyai lebih daripada 170 ahli alumni dari seluruh pelusuk dunia.

Para peserta kursus dan pelatih IDFR mempunyai banyak peluang untuk mengambil bahagian dalam bengkel, seminar, perbincangan mejabulat dan ceramah umum yang dianjurkan di IDFR dan di beberapa lokasi di luar IDFR. Antara penceramah jemputan terkemuka yang pernah menyampaikan ceramah dan ucaptama di IDFR adalah Kofi Annan, Haris Silajdzic, Lee Hsein Loong, Nelson Mandela, Reverend Jesse Louis Jackson, Sr., Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan Tun Musa Hitam.



## **Visi**

- ❖ Menjadi sebuah pusat antarabangsa dalam bidang latihan serta penyelidikan diplomasi dan hubungan antarabangsa yang dikenali di peringkat dunia

## **Misi**

- ❖ Untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme para pegawai diplomatik melalui latihan yang sistematis dan berkaitan
- ❖ Untuk memberi latihan yang berkualiti dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa kepada para peserta dari dalam dan luar negeri
- ❖ Untuk menyediakan persekitaran latihan yang kondusif, menggunakan kemudahan yang serba canggih dan terkini
- ❖ Untuk mempertingkatkan usaha menjadikan IDFR sebagai pusat rujukan polisi luar negeri melalui penyelidikan dan penerbitan
- ❖ Untuk menjalin hubungan strategik dalam bidang latihan dan penyelidikan dengan agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan, dan pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri
- ❖ Untuk berhubung dengan dunia melalui polisi luar Malaysia

## **Bahagian-bahagian di IDFR**

- ❖ Bahagian Latihan
- ❖ Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti
- ❖ Bahagian Bahasa
- ❖ Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan
- ❖ Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat

## **Program Latihan di IDFR**

IDFR menawarkan program latihan di bawah bidang kepakaran yang berikut:

- ❖ Latihan Diplomatik
- ❖ Pengajian Serantau
- ❖ Latihan Bahasa
- ❖ Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi

## **Kemudahan di IDFR**


Antara kemudahan yang terdapat di IDFR ialah:

- ❖ Perpustakaan yang lengkap dan mempunyai sumber pembelajaran kendiri
- ❖ Auditorium yang boleh memuatkan sehingga 250 orang
- ❖ Dewan serbaguna yang boleh memuatkan sehingga 500 orang
- ❖ 51 bilik asrama bertaraf antarabangsa, termasuk sepuluh bilik mewah
- ❖ Bilik latihan dan persidangan serta makmal bahasa yang lengkap
- ❖ Liputan rangkaian tanpa wayar di bilik mesyuarat, auditorium dan juga kafeteria
- ❖ Gimnasium, kolam renang, gelanggang tenis dan gelanggang skuasy untuk aktiviti rekreasi



The background of the image features a dynamic, abstract design composed of flowing, curved lines in shades of orange, yellow, and white. These lines create a sense of motion and depth, resembling waves or architectural structures. The overall aesthetic is modern and professional.

# **CARTA ORGANISASI IDFR**



The background of the image consists of several thick, flowing lines in shades of orange, yellow, and white. These lines curve and overlap each other, creating a sense of motion and depth. They appear to be made of a translucent material, allowing some light through and casting soft shadows.

# **PROGRAM IDFR 2010**

## Bahagian Latihan

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Latihan	Diploma in Diplomacy 1/2010	4 Januari–25 Jun
	Kursus Induksi Diplomatik 1/2010	14–15 Januari
	Kursus Induksi Diplomatik 2/2010	21–22 Januari
	Kursus Pra-Penempatan bagi Pasangan kepada Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negeri	24–29 Januari
	Bengkel Diplomasi Awam dan Media 1/2010	9–12 Februari
	Kursus Induksi Diplomatik 3/2010	16–18 Mac
	Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan 1/2010 (SPKM)	29 Mac–9 April
	Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa 1/2010 (PKTM)	6–23 April
	Bengkel Pengenalan Undang-undang Awam Antarabangsa	10–13 Mei
	Kursus Pengurusan Krisis untuk Peserta Antarabangsa	18 Mei–4 Jun
	Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan 2/2010 (SPKM)	24 Mei–4 Jun
	Forum bagi Diplomat-diplomat Muda ASEAN mengenai Hubungan Antarabangsa 1/2010	14–25 Jun
	Kursus Latihan Diplomatik untuk Belia dan Pemimpin Pelajar	21–25 Jun
	Program Serantau Komanwel dalam Latihan Diplomatik 2010	28 Jun–9 Julai
	Kursus Analisa Strategik Antarabangsa (PKTM)	6–23 Julai
	Kursus Pra-Penempatan untuk Penolong Setiausaha dan Penolong Pegawai Tadbir	2–7 Ogos
	Bengkel Diplomasi Awam dan Media 2/2010	11–14 Oktober
	Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan 3/2010 (SPKM)	18–29 Oktober

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Ceramah Umum	<i>Diploma in Diplomacy 2/2010-2011</i>	18 Oktober 2010–22 April 2011
	Kursus Pertengahan Kerjaya untuk Diplomat	8–17 Disember
	<i>Vietnam's Foreign Policy and its Strategy on Cultural Diplomacy</i>	9 November
Bengkel	'Mencapai Objektif Perdagangan Negara dan Pelaburan dalam <i>Trans Pacific Strategic Economic Partnership Agreement (TPP)</i> dan <i>European Union Trade Negotiations</i> '	15 November

## Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti


Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Sarjana	Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi	1 Jun 2010–30 Jun 2011
Perbincangan Mejabulat	<i>Australia and ASEAN – 35 Years On</i>	17 Mac
	<i>Commitment to Nuclear Non-Proliferation: New Directions Under the Obama Administration</i>	3 Jun
Bengkel	<i>2010 Non-Proliferation Treaty Review Conference</i>	20 April
Siri IDFR-IKON 3D	<i>Canada's Strategic Role and Interests in the Asia-Pacific Region</i>	11 Mei
Lawatan Sambil Belajar	Para Pelajar <i>Business Focus ASEAN</i> dari University of Applied Sciences, Krems, Austria ke Malaysia	4–12 Julai
Forum	Ulangtahun ASEAN bertajuk <i>Building a People Oriented ASEAN Community – Challenges and Opportunities</i>	10 Ogos
	<i>ASEM 8 Dialogue: Ways Forward for Asia-Europe Cooperation</i>	29 September

## Bahagian Bahasa

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Bahasa Inggeris	<i>Speaking Skills: Say It Right 1/2010</i>	25–28 Januari
	<i>Building Blocks of Good English 1/2010</i>	8–12 Mac
	<i>Speaking Skills: Say It Right</i>	26 Mac–2 Julai
	<i>Effective Presentation Skills 1/2010</i>	19–23 April
	<i>Effective Writing Skills 1/2010</i>	17–21 Mei
	<i>Building Blocks of Good English 2/2010</i>	14–18 Jun
	<i>Effective Presentation Skills 2/2010</i>	12–16 Julai
	<i>Speaking Skills: Say It Right 2/2010</i>	27–30 September
	<i>Effective Writing Skills 2/2010</i>	11–15 Oktober
	<i>Speech Drafting Workshop</i>	15–16 November
Bahasa Arab	<i>English Language Course for Wisma Putra Executive Officers</i>	9 Disember 2010–20 Januari 2011
	Kursus Intensif Bahasa Arab untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 1/2010	4 Januari–25 Jun
	Tahap VIII	5 Januari–16 Disember
	Tahap V	7 Januari–16 Disember
	Tahap XI	8 Januari–17 Disember
	Tahap III	8 Februari–30 Jun
	Tahap IV	5 Julai–15 Disember
Bahasa Perancis	Kursus Intensif Bahasa Arab untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 2/2010–2011	18 Oktober 2010–22 April 2011
	Kursus Pengenalan Bahasa Perancis untuk Kakitangan IDFR	Oktober 2009–Mac 2010
	Tahap I	28 November 2009–9 Julai 2010

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Bahasa Sepanyol	Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 1/2010	4 Januari–25 Jun
	Tahap III A	11 Januari–26 Julai
	Tahap VI A	12 Januari–22 Julai
	Tahap III B	2 Ogos–29 November
	Tahap VI B	21 September–14 Disember
	Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 2/2010-2011	18 Oktober 2010–22 April 2011
	Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 1/2010	4 Januari–25 Jun
	Tahap II	11 Januari–16 Jun
	Tahap III (Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri)	12 Januari–15 Jun
	Tahap III	5 Julai–29 Disember
	Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk <i>Diploma in Diplomacy</i> (DiD) 2/2010-2011	18 Oktober 2010–22 April 2011



The background of the image features a dynamic, abstract design composed of flowing, organic lines in shades of orange, yellow, and cream. These lines create a sense of movement and depth, resembling liquid or light rays. They form a large, stylized shape that tapers towards the top left of the frame.

# LAPORAN BAHAGIAN LATIHAN

## BAHAGIAN LATIHAN

### Kursus Induksi Diplomatik

Kursus Induksi Diplomatik ini telah diadakan sebanyak tiga kali pada awal tahun 2010. Kursus pertama dan kedua telah diadakan selama dua hari iaitu dari 14 hingga 15 Januari, dan dari 21 hingga 22 Januari. Kursus yang ketiga pula telah dipanjangkan kepada tiga hari iaitu dari 16 hingga 18 Mac 2010. Objektif kursus tersebut adalah untuk memperkenalkan para peserta kepada penulisan diplomatik dan kemahiran berkomunikasi serta bidang tugas dan isu-isu yang bakal ditempuhi oleh para pegawai dalam perkhidmatan diplomatik. Kursus ini juga bertujuan untuk memupuk minat para peserta terhadap penggunaan bahasa Inggeris.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan semasa kursus pertama dan kedua adalah Kemahiran Berucap; Diplomasi Awam; Penulisan Berkesan: *Brief, Situation Report, Record of Conversation, Third Person Note, Minutes of Meetings*; Tugas dan Tanggungjawab di Perwakilan; Pengurusan Lawatan; dan Kemahiran Membina Ayat. Kursus ketiga, yang telah dihadiri oleh sejumlah 29 pegawai, merangkumi beberapa topik tambahan seperti Pengurusan Mesyuarat, Lawatan dan Acara; Penjagaan Penampilan Diri dan Etiket Sosial; dan Tatacara Kewangan dan Akaun.

Dua puluh lima pegawai yang menghadiri kursus pertama dan kedua telah berpeluang untuk menyertai sesi-sesi tambahan yang telah dijalankan dalam kursus yang ketiga.

### Kursus Pra-Penempatan bagi Pasangan kepada Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negeri

Objektif kursus ini, yang telah diadakan dari 24 hingga 29 Januari 2010, adalah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam pelbagai bidang berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pasangan kepada Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negeri. Seramai 23 peserta yang terdiri daripada pasangan kepada bakal-bakal Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negeri telah menghadiri kursus ini.



Para peserta kursus bergambar bersama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Puan Sri Norizan Sulaiman dan Tan Sri Hasmy Agam selepas sesi perbincangan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah *The H-Factor* (Faktor-Faktor Kegembiraan); Protokol (Umum dan Diraja); Seni Pertuturan; dan Kemahiran Kepimpinan. Kursus ini juga memberi penekanan kepada pembinaan imej kendiri yang positif melalui peningkatan kemahiran *interpersonal*, penjagaan penampilan diri dan etiket sosial. Menyedari kepentingan peranan pasangan kepada tugas suami/isteri mereka semasa bertugas di luar negeri, kursus ini turut membincangkan pelbagai aspek peranan pasangan, terutamanya melalui penglibatan mereka dalam Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri Malaysia atau PERWAKILAN.

### Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media

Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media ini telah diadakan sebanyak dua kali dalam tahun 2010 iaitu dari 9 hingga 12 Februari, dan dari 11 hingga 14 Oktober. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta mengenai kepentingan bidang diplomasi awam dalam mempromosikan kepentingan negara di peringkat antarabangsa serta meningkatkan kemahiran peserta untuk berurusan dengan pihak media dalam konteks diplomasi awam.

Kursus yang pertama telah dihadiri oleh 32 peserta, manakala kursus yang kedua pula dihadiri oleh 26 peserta. Para peserta kursus ini terdiri daripada para pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Jabatan Perdana

Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah Pengenalan Diplomasi Awam; Peranan Media dalam Diplomasi Awam; Pemahaman Silang Budaya dan Kesannya dalam Diplomasi Awam; Peranan Badan-badan Bukan Kerajaan dalam Diplomasi Awam; Mempromosikan Malaysia melalui Budaya; Perhubungan Media yang Berkesan; Menangani Situasi Krisis dan Soalan yang Sukar daripada Media; Temubual TV dan Radio; Sidang Akhbar; dan Simulasi Sidang Akhbar.

### **Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan (SPKM)**

Kursus selama dua minggu ini telah diadakan sebanyak tiga kali dalam tahun 2010 iaitu dari 29 Mac hingga 9 April, dari 24 Mei hingga 4 Jun, dan dari 18 hingga 29 Oktober. Kursus ini diadakan khas di bawah Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM) dan ianya adalah wajib bagi para pegawai kerajaan yang akan bertugas di luar negeri buat pertama kali. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai aspek-aspek diplomasi dan isu-isu semasa hubungan antarabangsa.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah Pengurusan Kewangan di Perwakilan; Hal Percukaian di Perwakilan; Mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Halal; Mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan; Mempromosikan Malaysia sebagai Tarikan Pelancongan; Peranan Pasangan di Perwakilan; Penjagaan Penampilan Diri dan Etiket Sosial; Etiket Makan Beradab; Praktikum Makan Beradab; dan Protokol Istana dan Diraja.

Sejumlah 167 peserta telah menyertai kursus ini iaitu 58 peserta bagi siri 1/2010, 33 peserta bagi siri 2/2010, dan 76 peserta bagi siri 3/2010. Peserta kursus ini terdiri daripada para pegawai Kementerian Luar

Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Polis Diraja Malaysia, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.



*Para peserta Kursus Pra-Penempatan untuk Pegawai dan Pasangan (SPKM) 3/2010*

### **Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa 1/2010 (PKTM)**

Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa telah diadakan dari 6 hingga 23 April 2010. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa serta kebolehan mereka menjalankan tugas sebagai pegawai diplomatik. Para peserta juga telah diberi pendedahan kepada pengalaman Malaysia dalam pembangunan negara dan hubungan luar negeri. Antara topik-topik yang disentuh adalah Komunikasi Silang Budaya; Kemahiran Media; Pengenalan kepada Teori Hubungan Antarabangsa; Rundingan Dua Hala dan Pelbagai Hala; dan Kemahiran Pembentangan.

Kursus tiga minggu ini, yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) telah

dihadiri oleh 15 peserta. Peserta kursus ini adalah dari Albania, Argentina, Azerbaijan, Bosnia Herzegovina, Croatia, Maldives, Mali, Oman, Republik Kyrgyz, Solomon Islands, Timor Leste, Uganda, dan Yemen.

### **Bengkel Pengenalan Undang-undang Awam Antarabangsa**

Bengkel Pengenalan Undang-undang Awam Antarabangsa, yang telah diadakan dari 10 hingga 13 Mei 2010, adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai segmen-segmen utama undang-undang awam antarabangsa yang relevan kepada bidang diplomasi, hubungan antarabangsa serta perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Bengkel selama empat hari ini telah dihadiri oleh 15 peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah Undang-undang Ekonomi Antarabangsa; Undang-

undang Alam Sekitar Antarabangsa; Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa; Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa; Undang-undang Laut Antarabangsa; Undang-undang Perjanjian dan Undang-undang Tanggungjawab Negeri; Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna 1963); dan Akta Hubungan Diplomasi (Konvensyen 1961).

### **Kursus Pengurusan Krisis untuk Peserta Antarabangsa**

Objektif Kursus Pengurusan Krisis untuk Peserta Antarabangsa ini, yang telah diadakan dari 18 Mei hingga 4 Jun 2010, adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dengan pelbagai langkah dan teknik pengurusan krisis. Kursus selama tiga minggu ini telah dikendalikan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Seramai 11 peserta tempatan dan 20 peserta antarabangsa, termasuk lima peserta antarabangsa yang ditaja separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo, telah menghadiri kursus ini. Para peserta antarabangsa adalah dari Afghanistan, Bosnia Herzegovina, Cuba, Emiriah Arab



*Peserta Kursus Latihan Diplomatik untuk Peserta Antarabangsa sewaktu lawatan ke Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya*



Para peserta kursus tersebut sewaktu lawatan ke Kementerian Dalam Negeri

Bersatu, Eritrea, Fiji, Jordan, Kyrgyz, Lao PDR, Oman, Pakistan, Sri Lanka, Tajikistan, Uzbekistan, Vietnam, dan Yemen. Peserta tempatan pula adalah dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Agensi Nuklear Malaysia.

Modul kursus ini merangkumi aspek-aspek teoretikal dan praktikal dalam pengurusan krisis antarabangsa. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah Pemikiran Strategik dalam Situasi Krisis; Ramalan Krisis; Mengurus Perubahan Selepas Krisis; serta Perundingan dalam Situasi Krisis.

Selain daripada kuliah, satu latihan simulasi serta lawatan sambil belajar selama empat hari ke Pulau Pinang telah diadakan. Di samping itu, lawatan sambil belajar turut diadakan ke Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya dan Menara Berkembar Petronas.

### **Forum bagi Diplomat-diplomat Muda ASEAN tentang Hubungan Antarabangsa 1/2010**

Forum bagi Diplomat-diplomat Muda ASEAN tentang Hubungan Antarabangsa 1/2010 telah diadakan dari 14 hingga 25 Jun 2010. Forum ini, yang telah dilaksanakan di bawah tabung khas ASEAN-Republik Korea, telah dihadiri oleh 18 peserta dari Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Korea, Singapura, Thailand, dan Vietnam.

Objektif utama forum ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai perkembangan terkini dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. Ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran asas serta kepakaran para peserta dalam menjalankan tugas mereka sebagai pegawai diplomatik.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan dalam kursus dua minggu ini adalah Dasar Luar Malaysia; Pengenalan kepada Diplomasi Ekonomi Antarabangsa; Bahasa dan Diplomasi; dan Pengurusan Krisis Kemanusiaan. Selain daripada sesi ceramah, kursus ini turut merangkumi dua lawatan sambil belajar; iaitu lawatan selama empat hari ke Sabah dan Labuan, serta lawatan ke Kementerian Luar Negeri.



Para peserta forum tersebut sewaktu lawatan sambil belajar ke Sabah

### **Kursus Latihan Diplomatik untuk Belia dan Pemimpin Pelajar**

Kursus selama lima hari ini, yang berlangsung dari 21 hingga 25 Jun 2010, dianjurkan atas permintaan khas Kementerian Belia dan Sukan. Kursus ini telah disertai oleh 47 belia dan pemimpin mahasiswa dari seluruh Malaysia dalam usaha mengasah bakat kepimpinan sekaligus memberi kefahaman kepada para peserta berkaitan diplomasi, hubungan luar dan fungsi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kursus ini bertujuan membekalkan para peserta dengan kemahiran diplomatik dan komunikasi yang diperlukan dalam melaksanakan tugas mereka sebagai wakil Malaysia ke Persidangan Global Model Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Modul-modul kursus termasuklah Sistem PBB; *Millenium Development Goals*–Penstruktur dan Kemiskinan; Penjagaan Keamanan PBB; Pengucapan Awam dan Kemahiran Bahasa; Latihan Simulasi Perhimpunan Agung PBB; Kesedaran Budaya; Penampilan Diri dan Etiket; dan Taklimat Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Selain itu, lawatan sambil belajar telah diadakan ke Kementerian Luar Negeri, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, serta Suruhanjaya Tinggi Australia.

### **Program Serantau Komanwel dalam Latihan Diplomatik 2010**

Program Serantau Komanwel dalam Latihan Diplomatik 2010 telah diadakan dari 28 Jun hingga 9 Julai 2010. Seramai 13 peserta dari negara-negara Komanwel seperti Bangladesh, Brunei Darussalam, Malaysia, Maldives, Pakistan, Singapura, dan Sri Lanka telah menyertai program tersebut yang dikendalikan di bawah tajaan Sekretariat Komanwel di London. Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan para peserta kepada perkembangan terkini dalam bidang diplomasi dan hubungan luar, meningkatkan pengetahuan mereka dalam isu-isu kontemporari di peringkat serantau dan global, serta menyediakan forum untuk perkongsian idea dan pengalaman dalam kalangan mereka. Kursus ini turut memfokus kepada peningkatan kemahiran diplomasi dan kepimpinan para peserta.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah Pengurusan Ilmu Pengetahuan; Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi; Komunikasi Silang Budaya yang Berkesan; Pengurusan Krisis; Perundingan dari Perspektif Komanwel; Menghormati Kepelbagaian; Diplomasi Awam; Kemahiran Media; Krisis Makanan dan Kesan kepada Negara-negara Membangun; Kepentingan Penjagaan Penampilan Diri dan Berpakaian untuk Kejayaan; ASEAN dan SAARC; Keganasan Antarabangsa-Pengalaman Malaysia; Hak-hak Asasi dalam Diplomasi; Penjagaan Penampilan Diri; dan Etiket Sosial dan Makan Beradab.

Selain daripada sesi ceramah, beberapa lawatan sambil belajar juga telah dianjurkan sepanjang kursus ini, iaitu lawatan ke Parlimen Malaysia, Kementerian Luar Negeri,

Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya, dan juga lawatan selama tiga hari ke Bandar Bersejarah Melaka.



Para peserta bersalaman dengan Tan Sri Hasmy Agam sewaktu satu majlis makan malam

### **Kursus Analisa Strategik Antarabangsa (PKTM)**

Kursus yang diadakan dari 6 hingga 23 Julai 2010 ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang pemikiran strategik bagi isu keselamatan dan strategik antarabangsa masa kini. Program ini berhasrat mendedahkan para peserta kepada persekitaran global politik, keselamatan dan strategik yang sentiasa berubah. Pengetahuan ini dapat digunakan dalam menempuh cabaran dunia globalisasi masa kini. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah Isu Pertahanan Strategik di ASEAN; Keselamatan Tradisional dan Bukan Tradisional; Analisis Risiko Negara; Dasar dan Strategi Pertahanan Malaysia; dan Keselamatan Negara dan Antarabangsa. Ia merupakan platform terbaik bagi para peserta untuk bertukar pandangan dan idea.

Kursus ini, yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), telah dihadiri oleh 30 peserta, yang mana enam antara mereka telah dibiayai separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo. Seramai empat peserta adalah dari Malaysia manakala yang lain adalah peserta antarabangsa dari Afghanistan, Algeria, Bosnia

Herzegovina, Brunei Darussalam, Eritrea, Ethiopia, Liberia, Mesir, Mexico, Myanmar, Oman, Pakistan, Papua New Guinea, Sierra Leone, Solomon Island, Thailand, dan Uzbekistan.

### Kursus Pra-Penempatan untuk Penolong Setiausaha dan Penolong Pegawai Tadbir

Kursus selama enam hari ini telah dijalankan di dua tempat berasingan iaitu dari 2 hingga 5 Ogos 2010 di Kementerian Luar Negeri, dan dari 6 hingga 7 Ogos 2010 di IDFR. Kursus ini ditawarkan kepada para pegawai Kementerian Luar Negeri yang telah dipilih untuk ditempatkan di luar negeri. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam hal-hal berkaitan kewangan, pentadbiran, protokol dan konsular sebagai persediaan untuk bertugas di luar negeri. Aspek penyesuaian diri dalam persekitaran yang baru serta semangat bekerjasama dalam satu pasukan juga ditekankan.

Antara topik-topik yang disentuh adalah Persediaan Sebelum Bekerja dan Tinggal di Luar Negeri; Hal-hal berkaitan Kewangan; Kemahiran Komunikasi secara Lisan dan Bertulis; Penjagaan Penampilan Diri; Etiket Makan Beradab; dan Praktikum Makan Beradab.

Seramai 15 orang peserta, iaitu lapan Penolong Setiausaha dan tujuh Penolong Pegawai Tadbir, telah menghadiri kursus ini.

### Lawatan dan Kunjungan Hormat oleh Ambasador Pham Sanh Chau

Lawatan dan kunjungan hormat oleh Ambasador Pham Sanh Chau, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan, Diplomasi dan Hal-Ehwal UNESCO, Kementerian Luar Negeri Vietnam, ke Malaysia telah berlangsung dari 7 hingga 11 November 2010. Antara objektif lawatan ini adalah untuk mempertingkatkan pemahaman mengenai isu-isu berkaitan diplomasi kebudayaan; menyerlahkan isu-isu dahulu dan terkini berkaitan diplomasi kebudayaan; dan menyediakan satu platform bagi pertukaran pendapat antara IDFR dan Kementerian Luar Negeri, Vietnam dalam bidang diplomasi kebudayaan.



T.Y.T. Ambasador Pham Sanh Chau sewaktu menyampaikan ceramahnya

Tumpuan utama lawatan lima hari tersebut adalah satu ceramah umum di IDFR pada 9 November 2010 yang bertajuk 'Dasar Luar Negara dan Strategi Vietnam berkaitan Diplomasi Kebudayaan'. Sesi ceramah tersebut telah disertai oleh wakil dari universiti-universiti tempatan, kementerian dan agensi kerajaan, serta agensi-agensi di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Turut menyertai sesi ceramah tersebut adalah para peserta kursus *Diploma in Diplomacy* (DiD) dan Program Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi.

Ambasador Pham juga telah melawat ke Bandaraya Bersejarah Melaka, yang disenaraikan sebagai Bandaraya Warisan Dunia pada tahun 2008. Beliau telah melahirkan rasa kagum terhadap usaha-usaha kerajaan negeri Melaka dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan ianya dikekalkan dan dijaga untuk generasi yang akan datang. Beliau juga berharap bahawa pengiktirafan daripada badan antarabangsa tersebut akan menjadi satu daya tarikan kepada lebih ramai pelancong ke Melaka.

Ambasador Pham juga telah mengambil kesempatan untuk bertemu dengan Timbalan Menteri Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, dan Setiausaha Negeri Melaka, semasa lawatan beliau ke Malaysia.

## **Bengkel Satu Hari bertajuk ‘Mencapai Objektif Perdagangan Negara dan Pelaburan dalam *Trans Pacific Strategic Economic Partnership Agreement (TPP)* dan European Union Trade Negotiations’**

Bengkel selama satu hari yang telah diadakan pada 15 November 2010 ini adalah satu program kerjasama antara IDFR dan Inisiatif Pelaburan Antarabangsa, Institut Perdagangan Antarabangsa, Universiti Bern, Switzerland. Objektif utama bengkel ini adalah untuk membincangkan aspek-aspek yang boleh mempengaruhi proses perundingan dan pengendalian proses perundingan.

Bengkel ini juga membincangkan secara mendalam topik-topik yang menarik minat para perunding Malaysia termasuk Kemampunan dan Persekutaran; Perolehan Kerajaan; Perdagangan dalam Perkhidmatan dan Kewangan; Pelaburan; Pergerakan Semulajadi Individu; Percukaian; dan Kewangan Elektronik.

Penceramah utama bengkel ini ialah Ambasador Roberto Echandi, Pengarah Inisiatif Pelaburan Antarabangsa yang dibantu oleh Dr. Sufian Jusoh, Pengarah Bersama Inisiatif Pelaburan Antarabangsa di Asia. Sejumlah 21 peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan Khazanah Malaysia telah menghadiri bengkel ini.

## **Kursus Pertengahan Kerjaya untuk Diplomat**

Kursus ini telah dijalankan dari 8 hingga 17 Disember 2010 dan telah dihadiri oleh 14 pegawai dari Kementerian Luar Negeri dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan profesional serta kemahiran diplomatik para pegawai pertengahan kerjaya. Antara topik-topik yang telah dibincangkan dalam kursus ini adalah Komunikasi Silang Budaya; Transformasi Kepimpinan; Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa; ASEAN

dan Hubungan Integrasi Serantau; Diplomasi Globalisasi: Cabaran di Abad 21; dan Mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Halal Antarabangsa. Melalui satu sesi *role play*, para peserta juga telah berpeluang untuk menimba pengalaman berada dalam satu sidang akhbar sebagai wakil Malaysia di luar negeri di bawah modul bertajuk ‘Mempertahankan Kepentingan Negara Malaysia’.



# **LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN SERANTAU DAN SEKURITI**

## **BAHAGIAN PENGAJIAN SERANTAU DAN SEKURITI**

Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti bertanggungjawab menganjurkan persidangan, seminar, bengkel, perbincangan mejabulat dan ceramah umum yang menyentuh isu-isu serantau, global dan keselamatan yang dihadiri oleh para peserta dari agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh bahagian ini dalam tahun 2010 adalah seperti berikut:

### **Perbincangan Mejabulat bertajuk *Australia and ASEAN – 35 Years On***

Satu perbincangan mejabulat bertajuk *Australia and ASEAN – 35 Years On* telah dianjurkan bersama oleh IDFR dan Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur pada 17 Mac 2010 di IDFR. T.Y.T. Gillian Bird, Timbalan Setiausaha, Jabatan Perdagangan Luar Negeri dan Duta

Besar Australia ke ASEAN telah menyampaikan ceramah manakala Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif IDFR, telah mengendalikan perbincangan mejabulat tersebut.

Dalam ucapannya, T.Y.T. Gillian Bird menekankan tentang hubungan erat antara Australia dan negara-negara ASEAN, terutamanya dengan Malaysia dan beliau turut menyatakan pentingnya bagi hubungan dua hala ini dipertingkatkan melalui perdagangan, kerjasama pembangunan, kerjasama keselamatan, hubungan sesama manusia serta dengan pewujudan satu Komuniti Asia Pasifik. Isu-isu berkaitan hubungan ASEAN-Australia dan pembentukan Komuniti Asia Pasifik merupakan antara isu yang dibincangkan sewaktu sesi soal jawab yang diadakan seterusnya.

Perbincangan mejabulat ini telah dihadiri oleh 70 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan, dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.



T.Y.T. Penny Williams, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia turut hadir di perbincangan mejabulat tersebut

## Bengkel tentang 2010 Non-Proliferation Treaty Review Conference

Bengkel tentang 2010 Non-Proliferation Treaty (NPT) Review Conference telah diadakan di IDFR pada 20 April 2010. Tujuannya ialah untuk menyediakan satu forum umum bagi pertukaran idea dan pendapat tentang isu pengawalan senjata nuklear serta persidangan antarabangsa mengenai triti pengawalan senjata nuklear (NPT) yang dijadualkan bersidang di New York mulai 3 hingga 28 Mei 2010.

Bengkel tersebut telah dibahagikan kepada dua sesi perbincangan. Sesi pertama bengkel ini melibatkan pembentangan oleh Dato' Zainal Abidin Omar, Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Luar Negeri, Malaysia atas topik *An Overview of the NPT Review Conference: Malaysia's Perspective*, dan oleh Dato' Dr. Ronald McCoy, Presiden, *Malaysian Physicians for Peace* atas topik *The Case for a Nuclear Weapon Convention in the Context of NPT*. Sesi ini telah dikendalikan oleh Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif IDFR.

Sesi seterusnya turut melibatkan dua pembentang iaitu Encik Jamal Khaer Ibrahim, Pengarah Perancangan dan Hubungan Antarabangsa, Agensi Nuklear Malaysia atas topik *New Challenges in the 2010 NPT Review Conference*, dan Encik Shamsul Amri Sulaiman, Jurutera Kanan Tenaga Nuklear, Tenaga Nasional Berhad atas topik *New Nuclear Renaissance*. Perbincangan ini telah dikendalikan oleh Datuk Dr. Rajmah Hussain, seorang bekas Duta Besar Malaysia.

Bengkel itu telah dihadiri oleh 63 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta.

## Perbincangan Mejabulat bertajuk Canada's Strategic Role and Interests in the Asia-Pacific Region

Sebuah perbincangan mejabulat bertajuk *Canada's Strategic Role and Interests in the Asia-Pacific Region* telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 11 Mei 2010. Ia telah dianjurkan bersama

oleh IDFR dan Institut Kajian Oksidental, UKM. T.Y.T. David B. Collins, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia telah menyampaikan ceramah, manakala Prof. Dr. K. S. Nathan, Ketua Bahagian Pengajian Amerika di Universiti Kebangsaan Malaysia, telah mempengerusikan perbincangan tersebut.

Dalam ucapannya, T.Y.T. David B. Collins telah memberikan perspektif sejarah tentang peranan yang dimainkan oleh Kanada serta kepentingannya di rantau Asia-Pasifik. Isu-isu mengenai hubungan Malaysia-Kanada serta prospek untuk negara tersebut memainkan peranan yang lebih besar di rantau ini turut dibincangkan dalam sesi soal jawab yang diadakan sejurus itu.

Sejumlah 250 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri perbincangan mejabulat ini.



T.Y.T. David B. Collins sewaktu berucap di perbincangan mejabulat itu

## **Perbincangan Mejabulat bertajuk *Commitment to Nuclear Non-Proliferation: New Directions under the Obama Administration***

Satu perbincangan mejabulat bertajuk *Commitment to Nuclear Non-Proliferation: New Directions under the Obama Administration* telah diadakan di IDFR pada 3 Jun 2010. Encik John D. Issacs, Pengarah Eksekutif *Centre for Arms Control and Non-Proliferation* di Washington D.C., Amerika Syarikat telah menjadi penceramah undangan manakala Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Eksekutif IDFR, telah mengendalikan perbincangan mejabulat tersebut.

Dalam pembentangannya, Encik Issacs telah menerangkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Pentadbiran Obama untuk menghadapi isu pengawalan senjata nuklear yang menjadi satu ancaman besar kepada komuniti antarabangsa pada masa ini. Perbincangan yang menyusul telah menyentuh pelbagai isu termasuk ketidakpatuhan kepada NPT oleh negara-negara tertentu dan persepsi ketidakadilan dalam menangani masalah senjata nuklear dalam kalangan komuniti antarabangsa.

Seramai 58 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan, dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri perbincangan mejabulat ini.

## **Lawatan Sambil Belajar Para Pelajar *Business Focus ASEAN* dari University of Applied Sciences, Krems, Austria ke Malaysia**

IDFR telah menjadi tuan rumah kepada para pelajar *Business Focus ASEAN* dari University of Applied Sciences Krems, Austria dari 4 hingga 12 Julai 2010. Tujuan lawatan tersebut, yang diketuai oleh Prof. Anis Bajkertarevic, adalah untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar tentang selok-belok perniagaan, kebudayaan, dan peluang perniagaan dan perdagangan di negara-negara ASEAN, terutamanya Malaysia. Program lawatan mereka meliputi kuliah selama dua hari di IDFR yang telah disampaikan oleh para pegawai dari Kedutaan Austria dan juga Kesatuan Eropah, serta oleh Datuk Ting Weng Lian, seorang bekas Duta Besar Malaysia.

Acara kemuncak lawatan sambil belajar tersebut ialah sesi interaktif para pelajar bersama Datuk Mukhriz Mahathir, Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Ahli-ahli rombongan tersebut turut menghadiri satu majlis makan malam barbeku bersama-sama para pelajar Sarjana dan para pegawai IDFR serta wakil-wakil dari Kedutaan Austria dan juga Kesatuan Eropah di Kuala Lumpur.



Datuk Mukhriz Mahathir sewaktu sesi interaktif bersama para pelajar dari University of Applied Sciences

## **Forum Ulangtahun ASEAN bertajuk *Building a People-Oriented ASEAN Community – Challenges and Opportunities***

Sebuah forum umum bertajuk *Building a People-Oriented ASEAN Community – Challenges and Opportunities* telah dianjurkan bersama oleh IDFR dan Institut Kajian ASEAN dan Hal-Ehwal Global (INSPAG), Universiti Teknologi MARA pada 10 Ogos 2010 sebagai salah satu aktiviti meraikan ulangtahun penubuhan ASEAN. Forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai ASEAN di samping membolehkan mereka bertukar idea dan pendapat tentang cabaran-cabaran dan prospek untuk mewujudkan satu Komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat. Forum ini telah dirasmikan oleh Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Luar Negeri, Malaysia.

Ucapan perasmian Timbalan Menteri tersebut telah diikuti oleh perbincangan panel atas topik *Building a People-Oriented ASEAN Community – Challenges and Opportunities*. Ahli panel terdiri daripada Ambasador Ahmad Shahizan Abd. Samad, Ketua Pengarah, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Malaysia; Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Abdul Razak, Setiausaha Agung, Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF); Dato' Dr. Michael O.K. Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Wakil Malaysia ke Pasukan Petugas Khas ASEAN Mengenai Konektiviti; dan Prof. Dato' Paduka Mohamad Abu Bakar, Jabatan Kajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Perbincangan panel tersebut telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof Ahmad, Pengarah INSPAG.

Ahli panel secara umumnya bersepakat bahawa pembangunan Komuniti ASEAN masih lagi “dalam proses pembentukan” dan terdapat banyak isu yang harus ditangani oleh negara-negara anggota sebelum merealisasikan matlamat ASEAN untuk mewujudkan satu Komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat. Mereka berpendapat bahawa pencapaian matlamat tersebut akan banyak bergantung kepada kerjasama yang lebih berkesan dan berterusan oleh negara-negara anggota ASEAN.



Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Abdul Razak merupakan salah seorang ahli panel di forum tersebut

Satu pameran mengenai ASEAN oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan turut diadakan di IDFR bersempena dengan forum tersebut.

Forum itu telah dihadiri oleh sekitar 280 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan, dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.

### **Forum bertajuk ASEM 8 Dialogue: Ways Forward for Asia-Europe Cooperation**

Sebuah forum separuh hari bertajuk *ASEM 8 Dialogue: Ways Forward in Asia-Europe Cooperation* telah diadakan di IDFR pada 29 September 2010. Forum ini telah dianjurkan bersama oleh IDFR, Kedutaan Belgium di Kuala Lumpur dan Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia. Antara lain, forum ini bertujuan untuk mengadakan pertukaran pendapat dan pandangan mengenai Persidangan Kemuncak ASEM 8 serta cara-cara untuk mengeratkan lagi hubungan Asia-Eropah. Di samping itu, forum ini telah diadakan sebagai memberi publisiti kepada persidangan tersebut yang dijadualkan di Brussels dari 4 hingga 5 Oktober 2010.

Forum ini telah dirasmikan oleh Dato' Husni Zai Yaacob, Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Luar Negeri Malaysia. Perbincangan panel yang telah diadakan seterusnya telah dianggotai oleh Dato' Mohd. Ridzam Deva, *Distinguished Fellow*, Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa, Malaysia; Ambasador (B) Jørgen Østrom Møller, Fellow Pelawat Penyelidikan Kanan, Institut Pengajian Asia Tenggara, Singapura; Dato' Mohd. Amir Jaafar, Fellow Penyelidikan Kanan di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya; dan T.Y.T. Vincent Piket, Duta Besar dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia. Perbincangan tersebut telah dikendalikan oleh Dato' Renji Sathiah, bekas Duta Besar Malaysia ke Belgium dan Kesatuan Eropah. T.Y.T. Dr. Frank Van de Craen, Duta Besar Belgium ke Malaysia, pula telah memberikan ucapan penutupan.

Forum ini telah dihadiri oleh seramai 180 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.



The background of the image features a dynamic, abstract design composed of flowing, organic lines in shades of orange, yellow, and cream. These lines create a sense of movement and depth, resembling stylized waves or petals. They are more prominent in the lower half of the frame, while the upper half is a solid, light beige color.

# LAPORAN BAHAGIAN BAHASA

## **BAHAGIAN BAHASA**

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Bahagian Bahasa adalah bahasa Inggeris dan tiga bahasa asing iaitu Arab, Perancis dan Sepanyol.

Kursus-kursus ini bertujuan untuk memupuk kemahiran linguistik para pegawai supaya mereka dapat menjalankan tugas profesional mereka dengan lebih berkesan, sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

## **BAHASA INGGERIS**

Sebanyak sebelas kursus telah dijalankan sepanjang 2010, bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran dan kompetensi linguistik para peserta kursus. Kursus-kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

### ***Speaking Skills: Say It Right 1/2010***

Kursus ini telah dijalankan dari 25 hingga 28 Januari 2010 untuk 25 pegawai dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Objektif utama kursus ini adalah untuk mengenalpasti keperluan dari segi sebutan, memberi latihan intensif yang menjurus kepada permasalahan dalam sebutan konsonan dan vokal, dan memberi tumpuan kepada tekanan, ritma dan intonasi. Ianya merupakan ciri-ciri pertuturan yang memberi impak yang besar terhadap pemahaman.

### ***Building Blocks of Good English 1/2010***

Kursus diatas telah dihadiri oleh 20 peserta dan dijalankan dari 8 hingga 12 Mac 2010. Peserta kursus ini datangnya dari Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Institut Sosial Malaysia. Fokus utama

kursus ini adalah untuk meningkatkan kecekapan para peserta dalam kemahiran bertutur dan menulis, dengan penggunaan tatabahasa dan perbendaharaan kata yang betul.

### ***Speaking Skills: Say It Right***

Bahagian Bahasa juga telah menjalankan kursus untuk pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kraftangan Malaysia. Kursus ini dijalankan dari 26 Mac hingga 2 Julai 2010 dan bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay. Kelas ini dijalankan dua minggu sekali dari pukul 4.00 hingga 6.00 petang selama lapan sesi kesemuanya. Seramai 25 peserta telah mendaftar untuk mengikuti kursus ini. Bidang kursus merangkumi *The English Sound System; Stress in Words and Sentences; Connected Speech; Language in Context of Presentations; Requests and Complaints; Processes and Procedures; Meetings; and Negotiations*. Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bertutur para peserta terutamanya dalam situasi berkaitan bidang pekerjaan.

### ***Effective Presentation Skills 1/2010***

Sekumpulan 11 peserta dari beberapa Kementerian dan agensi kerajaan telah menyertai kursus ini dari 19 hingga 23 April 2010. Mereka datang dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kastam Diraja Malaysia, Institut Genom Malaysia, Polis Diraja Malaysia Sarawak, dan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan. Kursus ini bertujuan untuk membolehkan para peserta menyediakan teks ucapan berpandukan garis panduan yang bersesuaian dari segi isi kandungan dan bahasa, serta seni penyampaian yang efektif.

### ***Effective Writing Skills 1/2010***

Kursus ini telah dijalankan dari 17 hingga 21 Mei 2010, dengan dihadiri oleh 12 peserta dari kementerian dan agensi kerajaan seperti berikut; Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Perhutanan Pahang, Jabatan Perumahan Negara, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Objektif utama kursus ini adalah untuk membolehkan peserta kursus mengaplikasikan elemen-elemen bahasa yang merupakan asas penulisan serta membolehkan mereka menulis dan menyunting penulisan sendiri dengan yakin.

### ***Building Blocks of Good English 2/2010***

Kursus kedua *Building Blocks of Good English* telah dijalankan dari 14 hingga 18 Jun 2010. Seramai 26 peserta yang datang dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Galian dan Geosains Johor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, dan Jabatan Standard Malaysia telah menghadiri kursus ini. Objektif

khusus kursus ini adalah untuk memupuk kecekapan berkomunikasi peserta berbahasa Inggeris dalam situasi sosial dan profesional, serta meningkatkan kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar mereka, terutama sekali yang menjurus kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

### ***Effective Presentation Skills 2/2010***

Kursus kedua ini telah dijalankan dari 12 hingga 16 Julai 2010. Seramai 16 peserta telah mengikuti kursus ini dan mereka datang dari kementerian dan jabatan berikut: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Bantuan Guaman Selangor, Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia Kuching, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Institut Sukan Negara. Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkatkan lagi kemahiran pengucapan awam para peserta, dan membolehkan mereka merancangnya dengan lebih sistematik, di samping mengaplikasikan prinsip-prinsip asas pengucapan bagi penyampaian yang penuh berkeyakinan.



Peserta kursus sedang berbincang dengan guru bahasa Inggeris dalam satu aktiviti kelas

### ***Speaking Skills: Say It Right 2/2010***

Kursus ini dijalankan dari 27 hingga 30 September 2010 dan dihadiri oleh 25 peserta dari kementerian dan jabatan berikut: Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kewangan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan Pahang, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Jabatan Pelajaran Sarawak, Jabatan Pelajaran Pulau Pinang, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Tujuan umum kursus ini adalah untuk menambahbaik kebolehfasamanan percakapan penutur berbahasa Inggeris di Malaysia yang ingin berkomunikasi dengan lebih lancar dalam konteks sosial dan juga profesional. Secara khusus, matlamat kursus ini adalah untuk mengenalpasti keperluan-keperluan individu dalam aspek sebutan, memberi latihan intensif terhadap sebutan konsonan dan vokal yang sukar, di samping memberi penegasan terhadap tekanan, ritma dan intonasi yang merupakan ciri-ciri pertuturan yang memberi impak yang besar terhadap kebolehfasamanan.

### ***Effective Writing Skills 2/2010***

Kursus ini dijalankan dari 11 hingga 15 Oktober 2010 dan dihadiri oleh 14 peserta. Mereka datang dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Pelajaran Pulau Pinang, Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan, Jabatan Muzium Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Objektif kursus ini adalah supaya peserta kursus memperoleh serta mengguna elemen-elemen bahasa yang diperlukan untuk memperkembangkan lagi kecekapan mereka, di samping mempertingkatkan kemahiran mereka dalam penulisan.

### ***Speech Drafting Workshop***

Seramai 13 pegawai dari Kementerian Luar Negeri dan lima pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Kubu Bharu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan telah mengikuti bengkel

dua hari ini. Bengkel ini telah dijalankan dari 15 hingga 16 November 2010. Objektif utama bengkel ini adalah untuk mempertingkatkan teknik serta kecekapan dan kemahiran para peserta dalam mendraf teks ucapan.

### ***English Language Course for Wisma Putra Executive Officers***

Kursus kemahiran asas ini telah dirancang khas untuk 25 pegawai Kementerian Luar Negeri. Tempoh masa kursus ini adalah 20 jam, dan bagi setiap sesi, kelas dijalankan selama dua jam, dan berlangsung dari 9 Disember 2010 hingga 20 Januari 2011. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membolehkan para peserta menjadi pengguna bahasa Inggeris yang berkeyakinan melalui kelas yang intensif dan interaktif.

## **MODUL BAHASA INGGERIS**

Modul bahasa Inggeris juga ditawarkan sebagai sebahagian daripada kursus-kursus yang dijalankan oleh Bahagian Latihan. Kursus-kursus tersebut adalah:

### ***Diploma in Diplomacy for PTD Officers 1/2010 dan 2/2010-2011(DiD)***

Modul-modul bahasa Inggeris yang telah dijalankan adalah seperti di bawah:

- ❖ *The Floor is Yours*
- ❖ *Journal Writing*
- ❖ *Presentation Skills*
- ❖ *Writing Skills*
- ❖ *Speaking Skills*
- ❖ *Literary Appreciation*
- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Language in Context*

### ***Diplomatic Induction Course 1/2010***

Kursus dua hari ini telah dijalankan dari 14 hingga 15 Januari 2010. Komponen-komponen bahasa Inggeris yang diajar adalah:

- ❖ Speaking Skills
- ❖ Sentence Skills

#### **Diplomatic Induction Course 2/2010**

Kursus dua hari ini berlangsung dari 21 hingga 22 Januari 2010. Modul-modul bahasa Inggeris yang diajar adalah:

- ❖ Speaking Skills
- ❖ Sentence Skills

#### **Course for Spouses of Heads of Mission**

Kursus ini dijalankan dari 25 hingga 29 Januari 2010. Seramai 23 peserta telah mengikuti kursus ini. Turut hadir bersama adalah lima tetamu khas, termasuk Presiden PERWAKILAN. Modul-modul bahasa Inggeris yang dijalankan adalah:

- ❖ Public Speaking Skills
- ❖ The Floor is Yours

#### **Diplomatic Induction Course for Wisma Putra Officers**

Kursus tiga hari ini telah dijalankan dari 16 hingga 18 Mac 2010. Modul-modul bahasa Inggeris yang dijalankan adalah:

- ❖ Speaking Skills
- ❖ Sentence Skills

#### **Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 1/2010 (SPKM)**

Kursus ini dijalankan dari 29 Mac hingga 9 April 2010, dan modul bahasa Inggeris yang diajar adalah:

- ❖ Verbal Communication Skills

#### **Diplomatic Training Course for International Participants**

Kursus tiga minggu ini berjalan dari 6 hingga 23 April 2010. Modul-modul bahasa Inggeris yang telah dijalankan merangkumi:

- ❖ Presentation Skills
- ❖ Language and Diplomacy

#### **Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 2/2010 (SPKM)**

Kursus ini dijalankan dari 24 Mei hingga 4 Jun 2010, dan modul-modul bahasa Inggeris yang dimasukkan ke dalam kursus ini adalah:



Sesi modul bahasa Inggeris

- ❖ *Public Speaking and Presentation Skills*
- ❖ *The Floors is Yours*
- ❖ *Language and Diplomacy*

### **Forum for ASEAN Young Diplomats**

Kursus ini berjalan dari 14 hingga 25 Jun 2010, dan modul bahasa Inggeris yang diajar adalah:

- ❖ *Language and Diplomacy*

### **Diplomatic Training Course for Youth and Student Leaders**

Kursus lima hari dari 21 hingga 25 Jun 2010 ini telah dijalankan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan. Modul-modul bahasa Inggeris yang telah diajar adalah:

- ❖ *Public Speaking and Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*

### **Pre-Posting Orientation Course for Assistant Secretaries and Executive Officers**

Kursus ini dijalankan dari 2 hingga 8 Ogos 2010. Dua modul bahasa Inggeris yang telah ditawarkan adalah:

- ❖ *Verbal Communication Skills*
- ❖ *Written Communication Skills*

### **Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 3/2010 (SPKM)**

Kursus dua minggu ini telah dijalankan dari 18 hingga 29 Oktober 2010. Modul-modul bahasa Inggeris yang telah dijalankan adalah seperti di bawah:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Presentation Skills*

### **Mid-Career Course for Diplomats**

Kursus ini dijalankan dari 8 hingga 17 Disember 2010. Modul-modul bahasa Inggeris yang diajar adalah:

- ❖ *Presentation Skills and Public Speaking*
- ❖ *The Floor is Yours*
- ❖ *Language and Diplomacy*

### **BAHASA ARAB**

Sepanjang 2010, sebanyak tujuh kursus bahasa Arab telah dijalankan. Kursus ini merangkumi dua aspek: kursus separuh masa di sebelah petang dan kursus sepenuh masa.

### **Kursus Intensif Bahasa Arab untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 1/2010**

Rekabentuk kursus ini adalah untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai budaya dan bahasa Arab, serta menyediakan mereka bagi menghadapi dan memenuhi keperluan-keperluan bahasa semasa berada dalam persekitaran yang bahasa utamanya adalah bahasa Arab. Ia juga dapat dijadikan asas yang berguna bagi para peserta yang ingin mendalami bahasa tersebut.

Seramai lima peserta telah berjaya menamatkan kursus 180 jam ini, yang dijalankan dalam tempoh enam bulan, dari 4 Januari hingga 25 Jun 2010.

Para peserta juga menunjukkan kesediaan mereka menggunakan kemahiran baru yang mereka peroleh dan berazam untuk memperkembangkan pengetahuan mereka dalam bahasa ini.

### **Bahasa Arab Tahap VIII**

Kursus ini dijalankan dari 5 Januari hingga 16 Disember 2010. Ia merupakan kursus separuh masa yang dijalankan setiap hari Selasa dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Kursus ini ditawarkan kepada 11 peserta dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Peserta

yang berjaya menamatkan tahap ini akan mengikuti pengajian bahasa Arab pada tahap yang berikutnya.

### **Bahasa Arab Tahap V**

Kursus tahap V ini dijalankan dari 7 Januari hingga 16 Disember 2010. Kursus separuh masa ini dijalankan pada setiap hari Khamis, dari 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Dua belas peserta telah mengikuti kursus ini dan mereka merupakan para pegawai dari Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa, Tentera Laut Diraja Malaysia, Kedutaan Korea, dan Kerjasama Antarabangsa Pelbagai Hala Menentang Ancaman-Ancaman Siber. Peserta yang berjaya menamatkan kursus ini akan mengikuti pengajian bahasa Arab pada tahap yang berikutnya.

### **Bahasa Arab Tahap XI**

Kursus Bahasa Arab Tahap XI ini ditawarkan sebagai kursus lanjutan kepada para peserta kursus yang telah mengikuti kursus bahasa Arab dari peringkat permulaan atau kepada mereka yang telah mahir dalam bahasa Arab dan ingin terus mempelajarinya.

Kursus ini bermula pada 8 Januari dan berakhir pada 17 Disember 2010. Kursus ini telah diikuti oleh empat pegawai dari Polis Diraja Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kelas ini dijalankan pada setiap hari Jumaat, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam. Peserta yang berjaya menamatkan tahap ini akan meneruskan pengajian bahasa Arab mereka pada tahap berikutnya di tahun 2011.

### **Bahasa Arab Tahap III**

Kursus Tahap III ini telah dihadiri oleh 12 peserta dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, termasuk dari Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan IDFR.

Kursus ini bermula pada 8 Februari dan berakhir pada 30 Jun 2010. Kursus ini dijalankan pada setiap hari Isnin dan Rabu, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam. Peserta kursus yang berjaya menamatkan kursus ini akan meneruskan pengajian bahasa Arab ke tahap yang seterusnya.

### **Bahasa Arab Tahap IV**

Kursus ini ditawarkan kepada peserta yang telah menamatkan kursus Bahasa Arab Tahap III. Seramai 12 peserta telah mengikuti kursus ini dan mereka datang dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan IDFR. Peserta yang berjaya menamatkan kursus ini akan mengikuti pengajian bahasa Arab pada tahap yang berikutnya.

Kursus separuh masa ini bermula pada 5 Julai dan berakhir pada 15 Disember 2010. Kelas ini dijalankan setiap hari Isnin dan Rabu, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

### **Kursus Intensif Bahasa Arab untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011**

Pada bulan Oktober 2010, kumpulan kedua peserta DiD telah mengikuti kursus intensif bahasa Arab yang akan dijalankan sehingga akhir April 2011.

Rekabentuk kursus ini adalah untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai budaya dan bahasa Arab, serta menyediakan mereka bagi menghadapi dan memenuhi keperluan-keperluan bahasa semasa berada dalam persekitaran yang bahasa utamanya adalah bahasa Arab. Ia juga dapat dijadikan asas yang berguna bagi para peserta yang ingin mendalamai bahasa Arab.

## **BAHASA PERANCIS**

Sepanjang 2010, sejumlah lapan kursus bahasa Perancis telah dijalankan; dua merupakan sambungan kursus yang bermula pada tahun 2009. Antara kursus-kursus yang dijadualkan, Bahasa Perancis IV (A) dan Bahasa Perancis VII tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kekangan masa kerana perjalanan Kursus Intensif Bahasa Asing yang pertama untuk *Diploma in Diplomacy*.

### **Kursus Pengenalan Bahasa Perancis untuk Kakitangan IDFR**

Kursus pengenalan 16 jam ini, yang bermula pada bulan Oktober 2009 dan berakhir pada bulan Mac 2010, dijalankan atas permintaan kakitangan IDFR. Para peserta diberi pendedahan secara menyeluruh tentang bahasa Perancis serta peluang untuk mengenali budaya Perancis, di samping mempelajari dan mempraktikkan asas-asas bahasa Perancis.

Setelah tamat kursus ini pada bulan Mac 2010, para peserta berpeluang untuk mengikuti kelas sebelah petang yang bersesuaian.

### **Bahasa Perancis Tahap I**

Kursus ini yang berakhir pada bulan Julai 2010 merupakan sambungan kepada kursus yang dijalankan atas pemintaan Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Menentang Ancaman-Ancaman Siber pada akhir tahun 2009.

Sepuluh peserta yang mengikuti kursus ini datangnya dari Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Menentang Ancaman-Ancaman Siber, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Negeri, dan IDFR. Tahap seterusnya tidak ditawarkan disebabkan oleh kekangan jadual dan ada juga antara peserta kursus ini telah meninggalkan organisasi mereka atau telah ke luar negeri.

### **Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk *Diploma in Diplomacy* (DiD) 1/2010**

Matlamat kursus intensif ini adalah untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai budaya dan bahasa Perancis, serta menyediakan mereka untuk menghadapi dan memenuhi keperluan-keperluan bahasa semasa berada dalam persekitaran yang bahasa utamanya ialah bahasa Perancis. Di samping itu juga, ianya boleh menjadi asas yang berguna jika para peserta ingin meningkatkan lagi kompetensi dalam bahasa Perancis di masa hadapan.

Seramai lima peserta telah berjaya menamatkan kursus 180 jam ini. Para peserta juga bersedia untuk menggunakan kemahiran baru mereka dan berharap untuk memperkembangkan lagi pengetahuan mereka dalam bahasa ini.

### **Bahasa Perancis Tahap III A**

Seramai enam peserta dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Tribunal Pengguna, dan SMK Putrijaya telah mengikuti kursus ini.

Projek lawatan ke Perancis yang telah dirancang terpaksa ditunda dengan harapan lawatan ini dapat direalisasikan pada tahun hadapan dengan adanya penerbangan kos rendah ke Perancis.

### **Bahasa Perancis Tahap VI A**

Enam peserta dari Polis Diraja Malaysia, Bank Negara, Kementerian Pelajaran, dan Global Peace telah mendaftar untuk kursus ini. Mereka menamatkan program ini pada bulan Julai dan empat daripada mereka meneruskan pembelajaran ke Tahap VI B.

Kumpulan ini sangat komited dan fokus untuk mencapai tahap kecekapan yang tinggi kerana ianya akan menjadi aset yang berguna dalam perkembangan kerjaya mereka.



Para peserta kursus Bahasa Perancis Tahap VI A

### Bahasa Perancis Tahap III B

Seramai lapan peserta telah mendaftar untuk kursus ini; lima peserta yang telah tamat Tahap III A dan tiga peserta baru. Mereka merupakan para pegawai dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pembangunan Wanita, Institut Penyelidikan Getah, Muzium Negara, dan SMK Putrijaya.

Kesemua peserta baru dengan cepatnya menyesuaikan diri dan merasa seronok dengan persekitaran dan aktiviti sosial yang dirancang oleh ahli kumpulan yang mesra dan peramah.

### Bahasa Perancis Tahap VI B

Empat peserta, iaitu dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan Polis Diraja Malaysia telah mendaftar untuk tahap ini. Peserta kursus telah menunjukkan kemajuan yang baik dan dua daripada mereka telah mendaftar untuk mengambil peperiksaan luar iaitu Delf A2 yang dijalankan pada bulan November 2010.

Para peserta menunjukkan minat yang mendalam untuk terus berusaha meningkatkan kemahiran bahasa

Perancis mereka kerana ianya boleh digunakan dalam kerja harian mereka samada di dalam atau di luar negeri.

### Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk *Diploma in Diplomacy* (DiD) 2/2010-2011

Bermula bulan Oktober 2010, kumpulan kedua peserta DiD menyertai Kursus Intensif Bahasa Perancis yang akan berlangsung sehingga akhir April 2011.

Di akhir program ini, para peserta akan memperoleh asas-asas bahasa Perancis dan kebudayaannya, dan membolehkan mereka untuk menghadapi keperluan-keperluan perjalanan dan pekerjaan dalam persekitaran yang menggunakan bahasa Perancis. Mereka juga dilengkapi dengan latihan asas yang boleh meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Perancis.

Kumpulan yang dinamik ini sangat bersemangat untuk memulakan kursus dengan persekitaran yang ceria dan menunjukkan minat untuk mendalami lagi budaya dan bahasa Perancis.



Pegawai bahasa Perancis, Jeanette Daina

## Lain-lain Aktiviti

Dari bulan Februari hingga April 2010, makmal Bahasa dibuka setiap petang Khamis untuk semua peserta kursus bahasa Perancis yang ingin berlatih menggunakan bahasa Perancis dengan lebih mendalam.

Mereka juga digalakkan untuk turut serta dalam beberapa aktiviti yang mempromosi budaya Perancis, seperti pameran kesenian Perancis, pameran buku, filem-filem dan makan malam Perancis, aktiviti mencuba keju, konsert dan *Fête de la musique*, yang diadakan di Alliance Française dan beberapa tempat lain di Kuala Lumpur.

Pada tahun ini, untuk pertama kalinya para peserta diberi peluang untuk menghadiri *Buffet de la Francophonie*, acara tahunan yang dianjur oleh beberapa kedutaan dari negara-negara yang menggunakan bahasa Perancis sebagai bahasa pengantar, dan ini memberi peluang kepada mereka untuk bertemu dengan lebih dekat lagi masyarakat yang berbahasa Perancis dan merasa masakan unik yang sinonim dengan setiap negara tersebut.

Semasa Festival Kesenian Perancis, para peserta juga telah menerima tiket wayang sumbangan ikhlas dari Kedutaan Perancis, pengajur festival tersebut.

Beberapa peserta juga telah menyertai pertandingan yang dianjur oleh kedutaan-kedutaan yang menjadi rakan senegara *International French Speaking Organisation* sempena *French Speaking Week* dan salah seorang daripada mereka telah menerima hadiah saguhati.

## BAHASA SEPANYOL

Sebanyak lima kursus bahasa Sepanyol telah dijalankan sepanjang 2010. Dua kelas petang, dari pukul 5.30 hingga 7.30, dijalankan di IDFR manakala satu lagi dijalankan di Bahagian Amerika, Kementerian Luar Negeri dari pukul 5.00 hingga 7.00 petang. Kursus sepenuh masa pula diajar sebagai sebahagian daripada kursus enam bulan *Diploma in Diplomacy*, yang dijalankan sebanyak dua kali pada tahun ini.

Pegawai bahasa Sepanyol juga memberi perkhidmatan penterjemahan bahasa Inggeris kepada Sepanyol sekiranya terdapat permintaan.

## Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk *Diploma in Diplomacy* (DiD) 1/2010

Kursus ini direka untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai budaya dan bahasa Sepanyol, serta menyediakan mereka untuk menghadapi dan memenuhi keperluan-keperluan bahasa semasa berada dalam persekitaran yang bahasa utamanya adalah bahasa Sepanyol. Ia juga dapat menjadi asas yang berguna bagi para peserta yang ingin mendalami lagi bahasa Sepanyol.

Seramai lima peserta telah berjaya menamatkan kursus 180 jam ini, yang dijalankan dalam tempoh enam bulan, dari 4 Januari hingga 25 Jun 2010.

Para peserta juga bersedia untuk menggunakan kemahiran baru mereka dan berazam untuk memperkembangkan pengetahuan mereka dalam bahasa ini.



Pegawai bahasa Sepanyol, Agustin Gutierrez C. Abdullah

### Bahasa Sepanyol Tahap II

Kursus ini dijalankan dari 11 Januari hingga 16 Jun 2010 untuk lapan peserta dari Kementerian Luar Negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dan IDFR.

Kursus ini direka khas untuk memberi peluang kepada para peserta berinteraksi dengan menggunakan perbualan asas bahasa Sepanyol, di samping menambah baik kemahiran mendengar mereka. Peserta juga didedahkan kepada lagu-lagu Sepanyol. Mereka juga diberi pendedahan kepada sebutan perkataan-perkataan yang diguna oleh penutur dari negara Sepanyol dan Amerika Latin, bagi memperkembangkan kemahiran mendengar para peserta untuk membolehkan mereka mengenalpasti perbezaan-perbezaan sebutan yang terdapat di antara kedua-duanya. Para peserta juga diberi peluang untuk memahami dan menghargai perbezaan dan persamaan budaya penutur-penutur bahasa Sepanyol dari kedua-dua kawasan ini.

### Bahasa Sepanyol Tahap III (Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri)

Bagi memenuhi permintaan Bahagian Amerika, Kementerian Luar Negeri, kelas sebelah petang ini telah dijadualkan pada setiap hari Selasa dan Khamis, dari pukul 5.00 hingga 7.00 petang, bermula 12 Januari hingga 15 Jun 2010.

Kursus ini merupakan lanjutan kepada kursus yang telah dijalankan pada tahun 2009. Tujuan utama kursus ini adalah bagi membolehkan para peserta berinteraksi dengan yakin menerusi perbualan-perbualan mudah dalam pelbagai situasi dan menambahbaik kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Ia juga adalah untuk mempertingkatkan kepekaan mereka tentang perbezaan dalam penggunaan bahasa Sepanyol oleh penutur dari negara Sepanyol dan Amerika Latin, di samping menambahbaik keupayaan mereka untuk mendengar dan bertutur, seterusnya menjadikan mereka lebih yakin untuk menggunakan bahasa tersebut dalam keadaan yang bersesuaian. Di samping itu, ia membolehkan mereka memahami dan menghargai perbezaan dan persamaan budaya penutur bahasa Sepanyol dari kedua-dua kawasan ini.

### Bahasa Sepanyol Tahap III

Kursus ini dijalankan pada hari Isnin dan Rabu, dari 5 Julai hingga 29 Disember 2010, dan objektifnya adalah untuk membolehkan para peserta berinteraksi dalam perbualan-perbualan asas dengan menggunakan bahasa Sepanyol, serta menambahkan lagi kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Dengan ini, para peserta dapat memupuk kemahiran mendengar mereka dan menjadi lebih mahir dalam mengenalpasti perbezaan sebutan penutur bahasa Sepanyol dari negara Sepanyol dan Amerika Latin dan menggunakan untuk menambahbaik kemahiran bertutur mereka. Di samping itu, ianya juga dapat membantu para peserta lebih memahami budaya penutur tersebut.

### Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011

Pada bulan Oktober 2010, kumpulan kedua peserta DiD telah mengikuti kursus intensif bahasa Sepanyol, yang akan dijalankan sehingga akhir April 2011.

Kursus ini direka untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas mengenai budaya dan bahasa Sepanyol, serta menyediakan mereka bagi menghadapi dan memenuhi keperluan-keperluan bahasa semasa berada dalam persekitaran yang bahasa utamanya

adalah bahasa Sepanyol. Ia juga dapat menjadi asas yang berguna bagi para peserta yang ingin mendalamai bahasa Sepanyol.

Bagi kumpulan 2010-2011, seramai lapan peserta sedang mengikuti kursus ini.

Secara keseluruhannya, objektif kursus ini adalah untuk melengkapkan para peserta dengan kemahiran dan strategi yang diperlukan untuk bergaul dan berinteraksi dalam persekitaran Hispanic, di kedua-dua belah persisiran Atlantik.



# **LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN**

## **BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN**

Dalam tahun 2010, Bahagian ini telah memperoleh pertambahan seorang pegawai, iaitu seorang Timbalan Pengarah Kanan pada bulan Februari. Beliau telah menerajui Bahagian ini dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah, seorang Penolong Pengarah, seorang Setiausaha Pejabat, dan dua orang Pembantu Tadbir. Walau bagaimanapun, jawatan Pengarah Bahagian yang masih kosong semenjak November 2009 belum dapat diisi.

Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan telah mewakili IDFR bagi bekerjasama dengan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri untuk menjalankan projek e-Pembelajaran Sektor Awam (ePSA), iaitu pakej e-pembelajaran yang pertama dibangunkan untuk anggota sektor awam. Projek ini dijalankan untuk memberi satu lagi opsyen latihan bagi membolehkan para pegawai Kementerian Luar Negeri yang berkhidmat di luar negeri menjalani latihan tanpa perlu pulang ke tanah air. Tajuk untuk modul yang pertama ialah *Malaysia's Foreign Policy* dan akan mula ditawarkan setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri.

Selain itu, Bahagian ini juga telah mewakili IDFR dalam Pertandingan Inovasi yang telah dianjurkan bersempena Hari Inovasi Kementerian Luar Negeri 2010. Kumpulan dari Bahagian ini telah muncul johan bagi Kategori Dalam Negeri dengan video mereka yang bertajuk *Ways to Promote IDFR and Wisma Putra*.



Dua pegawai IDFR menerima hadiah kemenangan Pertandingan Inovasi daripada Senator Dato' Idris Jala

Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan juga telah menerbitkan beberapa buku dalam tahun 2010. Buku-buku tersebut adalah:

### ***Laporan Tahunan IDFR 2009***

*Laporan Tahunan IDFR 2009* telah diterbitkan pada bulan Mei 2010. Laporan ini memaparkan aktiviti IDFR sepanjang tahun 2009 dan setiap Bahagian bertanggungjawab dalam melaporkan aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian masing-masing.

### ***Nombor Satu, Wisma Putra***

Penerbitan ini merupakan terjemahan buku asalnya, iaitu *Number One Wisma Putra*, ke dalam Bahasa Malaysia. *Number One Wisma Putra* merupakan buku yang telah disunting oleh Dato' Dr. Fauziah Mohd. Taib, kini Duta Besar Malaysia ke Netherlands sewaktu beliau menjadi Ketua Pengarah IDFR. Buku ini mengandungi 31 artikel mengenai pengalaman para Duta kita semasa mereka berkhidmat di luar negeri.

### ***Journal of Diplomacy and Foreign Relations (JDFR)***

JDFR telah masuk tahun kesebelas penerbitannya. Isu terkini mengandungi lima artikel dan satu ulasan buku, yang kebanyakannya merangkumi isu-isu ASEAN.

### ***IDFR Training Programme 2011***

Buku ini telah diterbitkan pada penghujung November 2010. Ia memaparkan program latihan yang telah dirancang oleh IDFR untuk tahun 2011, dan telah diedarkan kepada Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Institut Latihan, Perpustakaan Jabatan Persekutuan, Kedutaan Besar Malaysia di luar negeri, dan Perwakilan Asing terpilih di Kuala Lumpur.



# **LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT**

## **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT**

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat adalah entiti sokongan dan pemudah dalam memastikan IDFR berjaya mencapai sasaran untuk menjadi sebuah Pusat Latihan terkemuka dunia dengan menyediakan rangka kerja utama, infrastruktur dan perkhidmatan dalam bidang-bidang berikut:

- ❖ Pengurusan sumber manusia dan maklumat
- ❖ Pentadbiran dan sistem pejabat
- ❖ Teknologi maklumat
- ❖ Sumber manusia
- ❖ Pengurusan kontrak perkhidmatan
- ❖ Hal-ehwal awam dan media

Bahagian ini terdiri daripada seksyen-seksyen berikut:

- ❖ Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia
- ❖ Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- ❖ Perpustakaan
- ❖ Hal-Ehwal Awam dan Acara

### **Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia**

Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia terdiri daripada tiga unit yang berfungsi untuk saling melengkapi. Unit Pentadbiran menguruskan pentadbiran pejabat awam dan penyelenggaraan bangunan termasuk kemudahan-kemudahan Institut. Unit Kewangan bertanggungjawab dalam menguruskan sumber kewangan IDFR termasuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar kewangan dan prosedur pengurusan dana serta peruntukan sumber secara berkesan. Sementara itu, unit Sumber Manusia pula bertanggungjawab untuk meningkatkan minat, membangun, memelihara dan mempertahankan bakat

di IDFR serta inisiatif pembangunan sumber manusia dan modal insan.

Dalam membangun dan mengukuhkan tahap kecekapan kakitangan serta bagi menggalakkan pola pemikiran serta perilaku, Seksyen ini telah melaksanakan beberapa kegiatan sepanjang tahun 2010 seperti berikut:

#### **Kecekapan Pengurusan**

- ❖ Bengkel Pengurusan Fail Meja telah diadakan pada 11 Jun 2010 untuk membantu pegawai dan kakitangan baru memahami prosedur dalam menyediakan Fail Meja masing-masing berdasarkan format yang ditetapkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Penceramah bagi bengkel tersebut merupakan pegawai dari INTAN, Kampus Wilayah Tengah
- ❖ Kursus Pengurusan Fail pada 29 November 2010 adalah untuk mendedahkan pegawai dan kakitangan kepada sistem klasifikasi dan standard fail. Kursus satu hari tersebut dikelolakan oleh Arkib Negara dan turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian Luar Negeri
- ❖ Bengkel HRMIS pada 23 dan 24 Jun 2010 merangkumi modul latihan HRMIS mengenai pengurusan informasi peribadi dan maklumat serta pengurusan elaua

#### **Meningkatkan Kesihatan untuk Kualiti Hidup**

- ❖ Sesi Sembang Senam Bulanan bersama Ketua Pengarah/Pengurusan Kanan menekankan manfaat aktiviti fizikal, di samping menguatkan kerja berpasukan dan setia kawan antara kakitangan IDFR
- ❖ Taklimat oleh CUEPACS pada 22 Disember 2010 telah menerangkan mengenai tabungan dan skim kluster insurans kesihatan bagi kakitangan awam



Pegawai IDFR bersama sebahagian anak yatim dari Rumah Amal Limpahan Kasih (RALK)

### **Etika Kerja dan Perilaku**

